

Penggiat teater perlu berilmu

Oleh Jamudin Idris

PENGGIAT teater harus bersedia memperdalamkan ilmu dalam bidang itu kerana penonton yang menyaksikan persembahan mereka kini bukan saja menginginkan kepuasan emosi tetapi mahu persembahan yang disajikan lebih intelektual.

Atas tuntutan itu, penggiat perlu mengikuti sidang keilmuan dan seminar teater supaya mereka menjadi peka kepada kehendak penonton dan dapat menyajikan persembahan yang terbaik.

Ketua Setiausaha, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Ismail Adam, berkata ramai kalangan audien teater kini terdiri daripada golongan elit dan mereka menonton bukan atas kehendak emosi semata-mata, tetapi mahukan kepuasan intelektual.

Untuk memenuhi kehendak intelektual itu, penggiat perlu pandai mencari sesuatu yang baik dan ini tentunya diperolehi sekiranya mereka ada ilmu dalam dunia teater.

Persoalannya, apa akan jadi sekiranya penggiat tidak melengkapkan diri dengan perkara semasa dalam teater sedangkan

Perhatian kerajaan tidak setakat penyediaan infrastruktur, tetapi Kementerian Kewangan, memperuntukkan dana RM50 juta bagi menyuburkan kegiatan kesenian dan teater

tuntutan penonton menjurus ke arah itu.

Ketika berucap merasakan seminar teater yang bertemakan *Pengajaran dan Pembelajaran Teater di Malaysia* anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK), baru-baru ini, beliau berkata, jika ini berlaku ia boleh menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan peminat.

Menurut Ismail, teater semakin mendapat tempat di negara ini dan penggiat tidak boleh memandang ringan kepada usaha membina khalayak itu kerana ia bukan satu pekerjaan senang.

Pembinaan khalayak semakin berjaya kerana selain untuk dewasa, usaha memperkenalkan teater di peringkat sekolah turut dilakukan. Pertandingan diadakan bagi menggalakkan pembabit-an mereka dalam drama pentas.

Selain penggiat, mereka yang terbabit dalam bidang yang berhubung kait

dengannya seperti penyediaan prop, kostum, penataan cahaya dan hiasan untuk sesebuah persembahan juga perlu bersedia merebut peluang. Bidang itu juga sebenarnya menjanjikan hasil pulangan yang baik.

Ismail berkata, dalam masa yang sama, kerajaan khususnya kementerian memberi perhatian kepada kegiatan kesenian dengan penubuhan ASK itu sendiri.

Perhatian kerajaan tidak setakat penyediaan infrastruktur, tetapi Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan dana RM50 juta untuk membantu menyuburkan kegiatan kesenian termasuk teater.

Selain itu, cukai hiburan turut dimansuhkan di Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan, Labuan. Pemansuhan di dua tempat ini kerana Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa untuk memansuh-

kan cukai hiburan di negeri lain, kerana kuasa mengutip cukai hiburan di negeri terletak di tangan kerajaan negeri.

Mengenai teater tradisional seperti wayang kulit dan mak yong, Ismail berkata, keluhan tetap dengarkan daripada penggiatnya kerana mendakwa kesenian itu semakin terpinggir.

Kita sepatutnya mengkaji kenapa jumlah penonton semakin merosot. Apakah punca kemerosotan itu? Adakah kerana pendekatannya sudah tidak sesuai lagi atau kita gagal mengawal ancaman daripada media lain.

Ismail tetap berharap seminar yang membabitkan pembentangan lapan kertas kerja yang disertai lebih 60 peserta menjadi wadah penting kepada penggiat kesenian dan ASK sendiri memajukan teater selain mencari punca kemerosotan teater tradisional.



APA KHABAR...barangkali begitulah Ismail (kanan) memulakan bualan dengan peserta Seminar Teater anjuran Akademi Seni Kebangsaan (ASK), di Kuala Lumpur, Khamis lalu.

Prof Dr Mohd Ghouse Nasaruddin dari Universiti Sains Malaysia (USM) menjangka teater tradisional seperti mak yong

dan wayang kulit akan berkubur atau terpaksa ditinggalkan di muzium kerana masyarakat semakin meminggirkannya.

Katanya, jika semua pihak begitu serius untuk mempertahankan teater tradisional, maka usaha segera perlu dilakukan

dengan menyediakan lebih banyak peluang dan ruang, terutama kepada penggiatnya untuk meneruskan kegiatan.